



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 26 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**- Lewat bayar subsidi, ladang beroperasi dalam kerugian
- Pantau daging import dari negara tiada perakuan JPV**

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	9

Industri dakwa tanggung rugi 5 sen bagi sebiji telur dihasilkan

Lewat bayar subsidi, ladang beroperasi dalam kerugian

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Beberapa penternak ayam telur mengeluh akibat sistem kerajaan yang gagal menangani isu melibatkan sektor telur sehingga mereka terpaksa beroperasi dalam kerugian.

Satu sumber industri mewakili ladang telur di Lembah Klang yang ditemui semalam mendedahkan, susulan kelewatan pembayaran subsidi mengakibatkan mereka kerugian 5 sen bagi setiap biji telur yang dihasilkan.

Jelas sumber, ladangnya kini terpaksa membelanjakan 45 sen bagi menghasilkan sebiji telur manakala harga telur dijual kepada pemborong pula 40 sen sebiji.

Justeru katanya, tanpa subsidi 10 sen sebiji telur yang diberikan kerajaan, ladangnya terpaksa menanggung kerugian 5 sen bagi setiap biji telur dihasilkan.

Menurutnya, ladangnya menghasilkan 500,000 biji telur sehari, bermakna kerugian RM25,000 setiap hari.

"Jadi, kami terpaksa cari model bisnes lain untuk tampankan kos operasi. Antaranya, kami terpaksa melebihikan pengeluaran telur jenis omega yang tidak dikawal had pengeluaran serta harganya," kata



PENTERNAK ladang telur mendakwa mereka beroperasi dalam kerugian berikutan kelewatan pembayaran subsidi oleh kerajaan. - GAMBAR HIASAN

sumber.

Sumber berkata, ada ladang-ladang lain dikesan menipu label telur masing-masing bagi mengaut keuntungan dan mengelakkan beroperasi dalam kerugian, antaranya telur gred rendah sebagai gred tinggi bagi mendapat sedikit keuntungan.

Malah, isu ini semakin serius apabila sumber mendakwa sering menerima rungutan daripada peniaga dan pengusaha bakeri yang mengeluh saiz telur semakin kecil tapi harga mahal.

"Ada banyak ladang saya dapat tahu, mereka jual telur gred C sebagai gred B, kemudian gred B dijual pula sebagai telur gred A. Perkara ini banyak berlaku di Selangor sebab pemborong saya banyak dalam kalangan peniaga bakeri. Mereka merungut beritahu di pasaran sekarang ini, telur saiz lebih kecil tapi mahal."

"Misalnya ada pemborong yang merupakan peniaga bakeri, dia cakap telur di pasaran saiz B, tapi harga dijual sebagai telur gred A," kata sumber.

LEMBAGA UNGGAS

Sementara itu, satu sumber industri lain yang dihubungi akhbar ini mempersoalkan pendirian kerajaan berhubung langkah menubuhkan lembaga unggas bagi membaiki pulih sektor ayam dan telur.

Katanya, isu lambakan telur omega sekarang ini adalah cerminan kepada kegagalan kerajaan menubuhkan lembaga unggas dan menasionalisasikan sektor ayam dan telur.

Jelas sumber, punca kenai-

kan kos operasi di ladang ayam dan telur akibat harga dedak dan harga anak ayam yang sekarang dikawal 100 peratus oleh kartel swasta.

Justeru, melalui penubuhan satu lembaga khas sahaja yang boleh membebaskan penternak daripada cengkaman kartel yang berterusan mengawal dan menentukan pengeluaran serta harga dedak dan anak ayam.

"Dalam masa sama, kerajaan harus melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pengimport dedak ayam. Ini boleh memecahkan monopoli lima kartel dedak yang sekarang sedang diasiat Suruhanjaya Persaingan (MYCC) kerana kegiatan kartel," kata sumber.

AKREDITASI TELUR OMEGA

Dalam pada itu, sumber mengesahkan kerajaan mewujudkan mekanisme khusus mengawal pengeluaran telur omega demi memastikan pengguna tidak diperdaya.

"Ada ladang-ladang lain yang sengaja memperbanyakan pengeluaran telur omega, bukan sebab tiada subsidi, bukan."

"Sebab kawalan harga. Bila kerajaan kawal harga, mereka berada dalam kerugian. Jadi ladang-ladang ini buatkan telur omega. Bukan sebab subsidi," jelasnya.

Pantau daging import dari negara tiada perakuan JPV

PETALING JAYA: Kemasukan daging import dari negara yang tidak mempunyai perakuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bukan sahaja menimbulkan persoalan tetapi juga ancaman kepada kesihatan masyarakat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, daging berkualiti mungkin mempunyai virus atau penyakit seperti lembu gila dan virus nipah.

"Satu perkara yang timbul adalah daging dari 19 buah negara itu disekat atau sudah masuk ke pasaran secara haram,

perkara ini harus dipandang berat oleh pihak kerajaan," katanya yang tidak menolak kemungkinan daging dari negara berkenaan sudah terlepas masuk ke Malaysia.

"Saya menyeru pihak kerajaan sentiasa memantau dan mengawal ketat ke atas daging yang diimport dari luar negara."

"Daging yang diimport masuk dari rumah sembelihan yang tidak mempunyai kelulusan audit JPV, keselamatannya menjadi satu persoalan kepada pengguna negara ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, hanya lapan daripada 27 negara yang diaudit rumah sembelihan memperoleh per-

kuan JPV untuk membawa masuk daging import ke negara ini.

Sumber agensi berkenaan berkata, negara-negara tersebut adalah India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Argentina.

Beliau menggesa JPV atau pihak berkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup segera menjalankan siasatan dan pemantauan memastikan semua daging import di pasaran adalah dari negara yang telah lulus audit JPV.

Jelas Nan Sang, tindakan hukuman ketat juga wajib dikenakan ke atas syarikat yang mengimport daging dari negara-negara atau rumah sembelihan

luar negara yang tidak diluluskan pengauditan JPV.

Malah, katanya, penggantungan lesen pengimport juga perlu dikenakan.

"Daging import yang tidak berkelulusan JPV satu perkara yang serius dan tidak boleh dipandang ringan," katanya.

Sementara itu, wakil Pusat Pilihan Pengguna (CCC) Malaysia, Tarmizi Anwar berkata, kerajaan perlu menerangkan tempoh yang diberi kepada pusat penyembelihan di negara-negara yang hilang daripada senarai sebelum ini untuk memperbaiki prestasi agar mencapai piawaian yang ditetapkan.

Katanya, ia penting bagi memastikan permintaan dag-

ing import dalam negara kekal mencukupi bagi mengelakkan berlakunya kekurangan stok sehingga menyebabkan harga daging meningkat.

"Kerisauan adalah kita negara banyak makan daging dan kita juga pengguna daging yang tinggi. Jadi, kalau hanya tinggal sembilan negara, maka, kita risau bilangan daging dibawa masuk tidak mencukupi dan tidak dapat menampung permintaan dalam negara," katanya.

Tarmizi berkata, CCC Malaysia juga mengharap kerajaan dapat memantau daging yang tidak diperakui ini daripada dibawa masuk terutamanya dalam pasaran gelap.

WHO beri amaran bahaya Penyakit X

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Dunia	33



SEORANG pekerja memeriksa keadaan anak ayam untuk mencari simptom-simptom selesema burung di Aceh, Indonesia pada 2 Mac lalu. - AFP

WHO beri amaran bahaya Penyakit X

GENEVA, SWITZERLAND – Pakar-pakar kesihatan awam memberi amaran mengenai sejenis wabak digelar Penyakit X yang berisiko menjadi pandemik dan mengancam nyawa berjuta-juta orang, lapor akhbar New York Post kelmarin.

Istilah Penyakit X digunakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk merujuk kepada penyakit baharu dari sudut perubahan yang mengancam populasi manusia.

Sebagai agen penyakit baharu, sama ada ia virus, bakteria ataupun fungus, Penyakit X pasti belum mempunyai vaksin, manakala cara merawatnya juga terhad, sekiranya ada.

"Ini bukan sains fiksi. Ini senario yang kita perlu bersiap sedia untuk menghadapinya. Ini ialah Penyakit X," kata pakar Gabungan Inovasi Kesiapsiagaan Epidemik, Dr. Richard Hatchett kepada akhbar Telegraph.

WHO mencipta istilah Penyakit X pada 2018. Setahun kemudian, wabak mula merebak, dunia menyaksikan pandemik maut disebabkan oleh sejenis virus baharu di mana Penyakit X muncul dan ketika itu, ia dikenali sebagai Covid-19.

"Adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa Penyakit X akan sekali lagi tercetus tidak lama lagi.



SEORANG warga emas menerima suntikan vaksin Covid-19 di Santiago, Chile pada 7 Februari 2022. - AFP

"Penularan wabak selesema burung H5N1 di Kemboja hanyalah satu contoh," kata penyelidik Jabatan Kesihatan Antarabangsa Fakulti Kesihatan Awam Johns Hopkins, Dr. Pranab Chatterjee.

Sementara itu, sebilangan pa-

kar kesihatan awam percaya bahawa Penyakit X yang seterusnya bersifat zoonotik iaitu berasal daripada haiwan domestik atau liar sebelum merebak kepada manusia.

Ebola, HIV/AIDS dan Covid-19 adalah contoh bagi wabak

zoonotik.

Bagaimanapun, pakar-pakar berkata, terdapat beberapa sumber lain termasuk bioterorisme yang boleh menjadi pencetus kepada Penyakit X.

"Kebarangkalian mengenai patogen ciptaan manusia seba-

gai punca pandemik juga tidak boleh diabaikan.

"Pelepasan patogen seumpamanya, sama ada menerusi kemalangan dalam makmal atau sebagai tindakan keganasan bio, boleh membawa kepada Penyakit X serta dinamakan sebagai risiko malapetaka global," kata penyelidik sama. Artikel mengenai ini diterbitkan dalam jurnal *Infection Control & Hospital Epidemiology* pada 2021.

Sumber lain yang boleh mencetuskan pandemik adalah virus 'zombi' yang selama ini terperangkap di dalam permafros atau landskap beku lain selama berabad-abad. Ia berisiko dibebaskan ke alam sekitar akibat pemanasan iklim.

Dalam pada itu, antara penyakit lain yang berada dalam senarai WHO sebagai 'penyakit keutamaan' termasuk Marburg, demam berdarah Crimean-Congo, demam Lassa, penyakit Nipah dan henipaviral, demam Rift Valley serta sindrom pernafasan Asia Barat (MERS Cov).

"Pandemik Covid-19 bukan wabak pertama yang mencetuskan huru-hara di seluruh dunia dan ia juga bukan yang terakhir. Justeru, kita perlu bersiap sedia untuk berdepan wabak baharu secepat mungkin," kata pengarang-pengarang artikel berkenaan. - AGENSI

Bekalan lembu bagi sambutan Aidiladha di Perlis cukup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Harian Metro	Mutakhir	Online

Bekalan lembu bagi sambutan Aidiladha di Perlis cukup



RAZALI (tengah) dan Dr Adam (dua kiri) mendengar penerangan operasi daripada Norazam ketika melakukan lawatan di ladang penternakan lembu Kaisar Farm (M) Sdn Bhd di Chuping, Padang Besar. FOTO Aizat Sharif

Padang Besar: Bekalan lembu di negeri ini mencukupi dan dijangka tidak menghadapi masalah menjelang sambutan Aidiladha bulan depan. Ini berikutan persediaan awal yang dilakukan oleh pihak berwajib termasuk dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis dalam mempermudah kelulusan permit kepada penternak di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Perlis, Razali Saad berkata, pihaknya yang mewakili kerajaan negeri memberi jaminan proses kelulusan permit sembelihan luar dan pergerakan lembu akan dibuka seawal dua minggu sebelum Aidiladha. "Berdasarkan maklumat yang kita terima, bekalan lembu pada tahun ini mungkin tidak ada masalah sangat berbanding tahun sebelum ini. "Ketika itu negara masih dalam keadaan pandemik dan berdepan masalah kemasukan lembu dari luar. "Insya-Allah, anggota JPV juga akan turun padang sewaktu Aidiladha nanti bagi melakukan pemantauan dan lawatan ke pusat sembelihan untuk memeriksa daging korban agar tidak dijangkiti penyakit atau sebagainya," katanya ketika melawat ladang penternakan lembu di Chuping, di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah JPV Negeri Perlis, Dr Adam Kwan Abdullah dan Pengarah Urusan Kumpulan Kaisar Farm (M) Sdn Bhd, Datuk Seri Norazam Shah Ibrahim. Sementara itu, beliau berkata, kewujudan ladang penternakan lembu itu mampu menampung permintaan orang ramai di negeri berkenaan pada musim perayaan. "Walaupun ladang ternakan ini baharu beroperasi September tahun lalu, namun saya lihat pengurusannya sudah membuat persediaan awal dengan membawa 2,500 lembu dari Thailand sebagai persediaan Aidiladha nanti. "Malah kerajaan negeri juga berharap agar ternakan lembu di sini bukan hanya sekadar transit untuk perayaan sahaja, namun dapat dikembangkan menjadi ladang pengganda bagi menghasilkan baka lembu di Perlis," katanya Sementara itu, Norazam berkata, pihaknya memasarkan lembu ternakan dari ladang berkenaan ke kawasan sekitar Lembah Klang termasuk Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. "Kita juga sedang membangunkan beberapa infrastruktur termasuk mendirikan gudang makanan lembu sendiri dalam usaha meminimumkan kos operasi. "Kita juga berhasrat melakukan sistem integrasi bagi menternak sendiri lembu di sini dengan menggunakan baka lembu betina," katanya.